

Bab 3

Faktor-faktor Pembentukan Tamadun

3.1. Pengenalan.

Sesebuah tamadun dibentuk dalam masa yang panjang. Walaupun tamadun Melayu yang dibina oleh Kesultanan Melayu Melaka itu dalam tempoh lebih 100 tahun, namun sebenarnya Melaka adalah meneruskan satu proses pembentukan tamadun yang telah pun bermula kira-kira beberapa ribu tahun lebih awal. Dalam masa yang panjang itu sesebuah tamadun akan turut mengalami perubahan. Justeru itu proses pembentukan tamadun pada hakikatnya adalah cerminan perubahan cara hidup manusia. Manusia terpaksa menjadi kreatif untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan semasa dan alam sekelilingnya supaya lebih produktif. Selain kemajuan sains dan teknologi mempengaruhi perkembangan dan perubahan sesebuah tamadun itu, kepercayaan (agama) turut berubah ataupun berkembang. Justeru itu, dalam bab ini akan dibincangkan beberapa ciri dan proses pembentukan tamadun Melayu Melaka.

3.2. Faktor Geografi.

Antara tokoh atau sarjana yang mengkaji faktor geografi dalam pembinaan sesebuah tamadun adalah Ibn Khaldun dan Elsworth Huntington. Menurut E. Huntington (S.Sundara Raja & A.Letchumanan,

1999:xi), iklim yang paling ideal bagi pertumbuhan tamadun ialah pada 38° C dan tidak melebihi 64° C. Selain aspek kelembapan (purata 75%) yang terpenting adalah cuaca yang senantiasa berubah. Suasana iklim yang senantiasa berubah, akan mempertingkatkan daya usaha dan kreativiti mereka dan ini sekaligus mempertingkatkan ketamadunan manusia. Sehubungan dengan itu, Melaka bolehlah digolongkan sebagai mempunyai ciri-ciri ini ¹. Dalam masa yang singkat selepas Melaka dibuka, Melaka muncul sebagai sebuah bandar pelabuhan metropolitan, entreport dan kemudiannya menjadi sebuah kuasa penting di Kepulauan Melayu di sepanjang abad ke-15.

Menurut Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya
(1983:84),

“...tidak mungkin bagi saudagar-saudagar dari benua China, India dan bahagian timur Nusantara tiba pada masa yang sama kerana lalu lintas laut ditentukan oleh angin monsun. Tempoh yang benar-benar sibuk ialah di antara bulan Disember dan Mac apabila kapal-kapal dari Asia Barat dan Timur Jauh tiba di Melaka. Kapal-kapal dari Jawa dan bahagian Timur Nusantara Indonesia datang kemudian, dari bulan Mei hingga September”.

3.3 Faktor Migrasi.

Sesebuah bangsa atau masyarakat akan berpindah dari satu tempat ke satu tempat untuk mencari makanan, harta rampasan mahupun petempatan yang sesuai. Dalam proses berpindah-randah itu mereka

akan berinteraksi dengan masyarakat yang diserang atau yang ditemui semasa melakukan perdagangan. Pertukaran budaya akan berlaku dan ini akan menyebabkan pembentukan sebuah tamadun hasil daripada interaksi dua atau lebih tamadun. Nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Yathrib dan seterusnya mendirikan kota Madinah. Ibn Khaldun menggunakan istilah *madaniyah* (peradaban dan kemakmuran hidup) di samping istilah *madani* dengan erti perilaku sosial khususnya ketika merujuk sifat semulajadi manusia sebagai makhluk sosial (Siddiq Fadhil, 1998:42). Konsep migrasi ataupun hijrah ini ada digambarkan oleh *Sejarah Melayu*. Menurut *Sejarah Melayu*, Kota Melaka dibuka oleh Raja Iskandar Syah, raja Singapura yang terakhir. Baginda terpaksa berhijrah ke Tanah Melayu dan seterusnya berjaya membina sebuah pelabuhan besar dan terpenting di Kepulauan Melayu. Melaka dikunjungi bukan sahaja oleh pedagang-pedagang tempatan dan sekitar kepulauan Melayu, tetapi juga dari sekitar Asia Tenggara seperti Siam dan Burma. Melaka juga dikunjungi oleh saudagar-saudagar dari India, China dan Arab. Adalah dilaporkan bahawa terdapat 84 buah bahasa yang dituturkan di Melaka dan menurut Mohammad Yusof Hashim (1989:238).

'Oleh sebab terdapat ramai pedagang asing yang terus menetap di Melaka, asas anggota masyarakatnya telah terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, penduduk peribumi; kedua, kalangan pedagang asing yang menetap di Melaka; dan ketiga, para pedagang dan senteri yang kerap datang ke Melaka'².

Masyarakat peribumi di Melaka adalah orang-orang Melayu yang berasal dari Palembang dan Singapura yang datang bersama-sama Raja Iskandar Syah semasa pembukaan Melaka. Menurut kajian sejarah, masyarakat Bentan yang turut mengikut Sang Nila Utama ketika membuka Singapura itu adalah Orang Laut. Mereka banyak membantu pemimpin Melaka dalam mengukuhkan kedudukan Melaka sebagai sebuah kuasa perdagangan dan pusat empayar Melayu pada abad ke-15. Ketika Melaka dibuka sudah tentulah menghadapi banyak masalah seperti:

- a. Membersihkan hutan rimba untuk dijadikan negeri, peristiwa pelanduk putih menewaskan anjing perburuan raja jelas memperlihatkan sebelum Melaka dibuka, ia adalah sebuah hutan belantara, namun begitu di situ dipercayai sangat sesuai untuk dibina sebuah negeri kerana ada seekor pelanduk putih dan berani pula;
- b. Penyakit, *Sejarah Melayu* melaporkan ketika Raja Iskandar Syah dan pengikut-pengikutnya di Kota Buruk, kota yang baharu siap dibina tiba-tiba bertukar menjadi buruk. Adalah dipercayai peristiwa ajaib itu menggambarkan tempat itu keras dan berpenyakit, justeru tidak sesuai untuk dijadikan negeri;
- c. Menghadapi ancaman Siam dan Majapahit. Kebijaksanaan dan kreativiti yang ada pada diri Tun Perak berjaya memimpin Melaka menghadapi ancaman Siam. *Sejarah Melayu* melaporkan Tun Perak menggunakan tipu helah dengan menyuruh orang-orang Melaka

mengikat puntung api pada batang-batang pokok di sepanjang pantai, dan apabila dilihat oleh orang-orang Siam, mereka menyangkakan rakyat Melaka terlalu ramai dan tidak mungkin mereka mampu mengalahkan Melaka. Sejarah Melayu manggambarkan peristiwa tersebut seperti di bawah ini:

"Setelah hari malam maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja, segala pohon bakau, dan nyireh, dan tumu, api-api itu sekaliannya, disuruhnya tambati puntung api; gemerlapannya dipandang orang. Setelah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya itu, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu amat banyak Melayu itu tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa jadinya kita? Sedang akan sebuah perahunya tadi lagi, tiada terlawan oleh kita." Maka kata Awi Dicu, "Benar seperti kata kamu itu, marilah kita pulang." Maka segala perahu Siam pun kembalilah. (A.Samad Ahmad, 1986:94-95)

3.4. Faktor Cabaran.

Arnold J.Toynbee (Dalam S. Sundara Raja, A. Letchumanan, 1999:xii) berpendapat bahawa untuk menggerakkan kreativiti manusia perlulah ada suasana yang mencabar. Mereka akan berusaha mengatasi cabaran sebagai jalan keluar kepada suasana yang mencabar itu. Walau bagaimanapun jika tekanan cabaran itu terlalu kuat sama ada dari dalam ataupun dari luar, maka masyarakat bukan sahaja tidak produktif dan kreatif malah terus hancur. Ini dapat dikaitkan dengan kepentingan faktor sosio-ekonomi dalam pembentukan tamadun manusia. Dua faktor sosio-

ekonomi yang diberi perhatian ialah faktor kependudukan (sosial) dan faktor sumber (ekonomi).

a. Faktor Kependudukan.

Manusia yang telah tinggal menetap akan dapat menjalani kehidupan dengan lebih sistematis. Mereka akan dapat merancang pertumbuhan ekonomi dan lebahan ekonomi akan menjadikan masyarakat berkenaan dapat mencipta dan membeli peralatan yang lebih canggih, dan sekaligus dapat mempertingkatkan pengeluaran dan seterusnya hidup makmur. *Sejarah Melayu* menggambarkan Melaka yang dibuka dari sebuah hutan bertukar menjadi sebuah kota pelabuhan yang maju dan makmur. Rakyat Melaka bertambah dengan pesat bukan sahaja kerana faktor pertambahan semula jadi, tetapi akibat daripada perpindahan masyarakat Melayu sekitar Melaka dan kedatangan orang-orang asing.

Sejarah Melayu melaporkan:

"Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya segala dagang pun berkampung, maka dari Air Leleh datang ke Muar pasar tiada berputusan lagi dari Kampung Keling datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang, daripada sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga ..." (A.Samad Ahmad, 1986:244)

Sejarah Melayu juga mencatatkan bahawa penduduk negeri Melaka pada ketika pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah adalah seramai 19 lksa. Penduduk yang ramai dan berbilang bangsa itu

menjadikan Melaka sebuah kota yang kompleks. Bagi menjamin wujudnya satu sistem sosial yang stabil, maka satu bentuk kepimpinan diperlukan yang sekaligus memperlihatkan wujudnya susun lapis dalam masyarakat. Dalam masyarakat primitif atau pada awal tamadun, ketua masyarakat selalunya dari tipada golongan agama (paderi misalnya). Dalam masyarakat menerima sistem beraja, selalunya golongan agama ini masih lagi memainkan peranan penting. Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan misalnya mendapat tempat yang tinggi dalam struktur sosial di Melaka. Maulana Abu Bakar menjadi guru agama kepada raja dan para pembesar. Malah digambarkan pada suatu hari Bendahara Tun Perak ternampak cahaya memenuhi tubuh Maulana Abu Bakar. Lapisan berikutnya adalah golongan pembesar dan diikuti oleh rakyat biasa yang merdeka sama ada petani mahupun pedagang. Lapisan paling rendah adalah hamba².

Sejarah Melayu mencatatkan peranan orang-orang asing di Melaka. Syed Abdul Aziz dikatakan telah mengislamkan Melaka. Sebagai balasan Syed Abdul Aziz dan keturunannya dilantik menjadi kadhi. Manakala Maulana Abu Bakar membawa kitab *Darul Mazlum* dan Maulana Sadar Jahan mengajar ilmu Tasawuf/Sufi. Kedatangan mereka ini telah disambut baik oleh raja dan masyarakat Melaka dan mendapat tempat yang tinggi dalam masyarakat. Mani Purindam yang datang dari benua Keling telah berkahwin dengan anak perempuan Seri Nara Diraja

dan keturunannya telah memainkan peranan penting dalam sejarah negeri Melaka. *Hikayat Hang Tuah* menggambarkan mobiliti sosial turut berlaku di Melaka dengan memperlihatkan ketokohan Hang Tuah dari rakyat biasa berjaya menaiki tangga ke atas dan menduduki lapisan kedua.

Satu lagi daya penarik Melaka sebagai entrepot ialah kemampuannya menjamin keselamatan para pedagang dalam perairan Selat Melaka. Raja-raja Melaka seperti Raja-raja Srivijaya sebelumnya mendapat sokongan Orang Laut yang amat ditakuti, tetapi penuh perasaan taat setia, yang bertugas melindungi para langganan Melaka sambil melakukan pembalasan yang dahsyat terhadap saingen Melaka. Jaminan keselamatan ini merupakan unsur yang penting terutama bagi para pedagang yang memutuskan untuk bermiaga di Melaka daripada pergi ke pelabuhan-pelabuhan yang lain di Selat Melaka. (Barbara Watson Andaya & Leornard Y. Andaya, 1983:48)

b. Faktor Sumber (Ekonomi)

Barangan yang dikeluarkan biasanya ditentukan oleh jenis sumber yang terdapat dalam lingkungan masyarakat tersebut. Perbezaan dalam sumber kerana faktor geografi melahirkan barangan yang berbeza. Ini menyebabkan berlakunya perdagangan yang bermula dengan sistem *barter* dan berakhir dengan perdagangan antarabangsa. Aktiviti ekonomi

ini juga membenarkan pertukaran budaya dan kepakaran di kalangan pelbagai masyarakat dari daerah-daerah yang berlainan dan ini mempertingkatkan ketamadunan manusia secara umumnya.

Melaka muncul sebagai sebuah pelabuhan entreport dan dikunjungi oleh berbagai-bagai jenis bangsa. *Sejarah Melayu* melaporkan antara saudagar-saudagar asing yang datang adalah Mani Purindam (dari benua Keling), Maulana Jalaluddin dan Sidi Arab (dari Tanah Arab), Patih Adam (dari Surabaya) dan sebagainya. Sesuai kedudukan Melaka sebagai pusat perdagangan, ramai juga orang asing yang datang untuk mencari pekerjaan seperti Mirruzul yang bekerja sebagai askar upahan Melaka.

Melaka bukanlah merupakan sebuah negara kota yang mengeluarkan sumber mentah malah makanannya sendiri terpaksa diimport. Untuk memastikan bahan mentah dan sumber makanan dibawa masuk, Melaka menjalankan dasar perluasan wilayah. Pahang ditakluk oleh Bendahara Tun Perak bagi menjamin bekalan kayu dan emas. Beruas dan Dinding ditakluk bagi menjamin bekalan bijih timah. Manakala Kedah diberi perlindungan oleh Melaka bagi menjamin bekalan beras dan makanan. Sumber-sumber bahan mentah seperti rempah ratus, kayu gaharu, kayu cendana, kemenyan dan sebagainya yang banyak terdapat di Sumatera telah mendorong Melaka menakluk negeri-negeri di pantai

timur Sumatera. Antara negeri-negeri yang ditakluk ialah Haru, Inderagiri, Palembang dan sebagainya.

3.5. Kesimpulan.

Kemunculan Melaka bukanlah dengan cara yang tidak terancang, malah dengan perancangan yang rapi hasil pengalaman raja dan para pembesar ketika itu, Melaka muncul sebagai pewaris kerajaan Melayu Srivijaya. Kerajaan Srivijaya merupakan sebuah kuasa maritim terpenting di Asia Tenggara pada abad ke-7 hingga ke-11 Masihi yang menguasai Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Kedudukan yang strategik di Selat Melaka itu merupakan faktor yang mempercepatkan pertumbuhan tamadun Melayu. Kebijaksanaan raja-raja dan pembesar-pembesar Melayu dengan dibantu oleh Orang-Orang Laut, Melaka muncul sebagai sebuah kuasa yang setanding dengan kerajaan Srivijaya.

Cabaran-cabaran seperti iklim, penyakit, ancaman binatang liar ketika membersihkan hutan untuk dijadikan tapak kota Melaka, dan diikuti ancaman musuh seperti Siam merupakan faktor yang mendorong orang-orang Melayu Melaka menjadi kreatif dan inovatif. Mereka berjaya mewujudkan suasana politik yang stabil di Selat Melaka. Kestabilan dan penyatuan politik yang berlaku di seluruh Semenanjung Melayu dan di pantai timur Sumatera itu telah mendorong pedagang-pedagang asing dari sebelah atas angin dan bawah angin datang bertumpu ke Melaka.

Tamadun Melayu yang telah diruntuhkan oleh kerajaan Chola pada abad ke-11 itu dibina semula di Melaka. Jika tamadun Melayu yang dibina oleh Srivijaya diasaskan oleh tamadun Hindu, maka tamadun Melayu yang dibina di Melaka telah diperkuat dan dimantapkan pula oleh tamadun Islam.

Nota Hujung Bab 3.

1. Semenanjung Malaysia terletak antara 1° hingga 7° di utara Khattulistiwa. Iklimnya sekata panas dan lembap dengan suhu antara 25°C dan 33°C kecuali di tempat-tempat yang lebih tinggi dengan suhunya lebih sejuk pada waktu malam. Pertukaran musim tidak menunjukkan perubahan suhu tetapi terdapat perubahan hujan yang berkaitan pula dengan peredaran angin monsun. (Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya,,1983:2). Teori ini juga mengandaikan bahawa manusia dalam usaha untuk menyesuaikan diri kepada suasana iklim yang sentiasa berubah, akan mempertingkatkan daya usaha dan kreativiti mereka dan ini sekali gus meningkatnya aspek ketamadunan manusia. Mungkin ada benarnya bahawa perubahan musim dapat mempertingkatkan kreativiti manusia. Misalnya, kedudukan Melaka di muara sungai menjadikan mereka berjaya membina kapal-kapal layar yang laju, kukuh dan besar dan sesuai untuk dijadikan sebagai alat pengangkutan. Melaka muncul sebagai pusat perdagangan antara bangsa bukan sahaja kerana didatangi oleh saudagar-saudagar asing, tetapi juga peranan rakyat Melaka sendiri seperti yang diperlihatkan kepada watak Hang Nadim dan Hang Isap yang ditugaskan ke benua Keling untuk membeli kain.
2. Menurut sejarah pada tahun 1025, kerajaan Srivijaya telah diserang oleh Raja Cola dan akibat serangan tersebut kerajaan Srivijaya mulai merosot. Kisah kedatangan Raja Cola itu mungkin boleh dikaitkan dengan kisah kedatangan Raja Suran ke Tanah Melayu dan Temasik. Raja Suran yang diperdaya oleh orang-orang Cina telah membuat keputusan untuk melihat alam laut. Di dalam laut baginda telah berkahwin dengan Tuan Puteri Mahtabul bahri dan beroleh tiga orang putera. Ketiga-tiga orang puteranya itu menjelma di puncak Bukit Seguntang dan zuriat Sang Sapurba (salah seorang putera Raja Suran itu) yang menjadi raja di Singapura dan Melaka. Selain itu, perpindahan orang-orang asing ke Melaka turut dikisahkan oleh *Sejarah Melayu* yang menceritakan peranan beberapa watak dari negeri Arab, Keling dan China di samping watak-watak dari Kepulauan Melayu sendiri. Watak Mani Purindam dikatakan telah datang ke Melaka dengan membawa barang dagangan dari benua Keling. Di Melaka beliau berkahwin dengan anak perempuan Seri Nara Diraja. Keturunannya telah memainkan peranan penting dalam sejarah Melaka. Selain itu terdapat watak Maulana Jalaluddin dan Sidi Arab. Selain berdagang mereka juga datang dengan tujuan tertentu. Maulana Jalaluddin membantu Raja Kasim menjatuhkan Raja Ibrahim tetapi dengan syarat Puteri Rekan dihadiahkan kepadanya. Manakala Mirruzul yang tidak diketahui asal-usulnya bekerja sebagai askar upahan di Melaka.

3. Susun lapis masyarakat Melaka telah dibincangkan dengan panjang lebar oleh beberapa sarjana antaranya Mohammad Yusof Hashim (1989:272-332), Yusof Iskandar dan Abdul Rahman Kaeh (1985:182-185). Secara umumnya mereka membahagikan susun lapis itu kepada 4 lapisan iaitu:
- i. Raja,
 - ii. Pembesar dan orang-orang asing serta ulamak-ulamak yang menetap di Melaka,
 - iii. Rakyat merdeheka (petani, peniaga dan artisan),
 - iv. hamba.